

Sasar tanam satu juta pokok dalam masa sehari sempena Hari Bumi April ini

BULETIN MUTIARA
January 22, 2024



GEORGE TOWN – Sebanyak satu juta batang pokok disasarkan untuk ditanam secara serentak di seluruh negeri Pulau Pinang dalam tempoh masa sehari sempena sambutan Hari Bumi pada 22 April ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pengajuran program tersebut adalah bertujuan memelihara dan memulihara biodiversiti, di samping mengitigakan impak daripada perubahan iklim selari dengan usaha dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Saya yakin, dengan penglibatan komuniti, sektor kerajaan, badan korporat dan sukarelawan, program ini dapat mewujudkan sinergi penjagaan alam sekitar yang berkekalan dalam kalangan masyarakat.

"Tidak dirifin bahawa usaha ini juga adalah selaras dengan penatutan kepada kehendak Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Ulus (ESG) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 11) demi masa depan negara yang lebih lestari," katanya semasa berucap pada Majlis Pelancaran Program Penanaman Satu Juta Pokok Dalam Sehari Sempena Hari Bumi dekat Anjung Seri Mutiara di sini sebentar tadi.

Majlis pelancaran program tersebut diempunkan oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan isteri, Ton Puan Khadijah Mohd. Nor.

Hadir sama, Timbalan Speaker, Dato' Azrul Mahathir Aziz; Timbalan Ketua Menteri I Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Rosli Isha; Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zaidah Safer serta barisan ahli Exco Kerajaan Negeri.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Anshari; Pengerusi Media Prima Group, Dato' Seri Syed Husain Syed Lund dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Amal TYT Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Si. Rozali Mohamad juga turut hadir.



Kon Yeow membentahu bahawa beliau optimis bahawa program penanaman sejuta pokok itu bakal menepahi kejayaan sekali gus menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang berjaya menanam satu juta pokok dalam masa satu hari.

"Hanus saya ekui, pogram menanam satu juta pokok daripada pelbagai spesies dalam masa satu hari ini adalah langkah berani kerana kunci kejayaan kepada program ini memerlukan penglibatan daripada semua pihak untuk mencapai hasil yang menakjubkan.

"Sebagai pemimpin, saya sedar bahawa dalam usaha mewartai sebuah negara kepada generasi muda tidak hanya terhad kepada usaha-usaha menstabilkan ekonomi, sosial dan politik semata-mata, sebaliknya yang paling penting adalah mewariskan kepada mereka dunia yang berdaya huni dengan persekitaran yang sihat, seimbang serta mampan," katanya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Mengulas lanjut, beliau membentahu bahawa sehingga kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya mencapai sasaran penanaman 500,000 batang pokok sebagai usaha untuk mengurangkan impak peningkatan suhu menjelang tahun 2030.

"Selain itu, sebuah kejayan sedang digantikan untuk memertukan sasaran baharu, dan susah tentu program penanaman satu juta pokok ini secara tidak langsung menjadi salah satu usaha memulihara alam sekitar yang mampan, sambil merasmikan penghargaan kepada Ahmad Fuzi kerana telah mencetuskan idea tersebut.

Sementara itu, Rozali berkata bahawa sejuta pokok yang ditanam melalui program tersebut berupaya menyerap 40,000 tan karbon dioksida setahun, berdasarkan kiraan Malaysia Green Technology Corporation (MGTTC).

"Justeru, manfaat yang akan dicapai dari program ini adalah dapat melindungi dan mengembalikan ekosistem semula jadi, membawa kejayaan kepada komuniti, kelestarian alam sekitar, sosial dan ekonomi.

"Malah, hasil daripada pokok yang ditanam akan disumbangkan kepada komuniti serta badan-badan kebajikan yang dapat meningkatkan tahap sara diri serta ketenteraman makanan," ulasnya lanjut.

Pada majlis itu, Ahmad Fuzi bersama-sama Kon Yeow dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri turut menanam pokok di sekitar Anjung Seri Mutiara sebagai simbolik kepada pelancaran program tersebut.

Difahamkan, daripada lebih sejuta pokok yang akan ditanam, sebanyak 200,000 pokok akan dibekalkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, MBPP (150,000), Tenaga Nasional Berhad (50,000), Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (35,000), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (19,000), lima Pejabat Daerah yang mana masing-masing akan menyumbangkan 100,000 batang pokok.

Selain itu, pokok juga disediakan sendiri oleh para peserta yang terdiri daripada orang perseorangan, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, syarikat korporat dan lain-lain.

Antara pokok yang akan ditanam termasuklah spesies buah-buahan tempatan, herba, bunga, tumbuhan landskap serta pokok paya bakau yang mana pokok-pokok berkenaan akan ditanam di kawasan mengikut ketetapan para peserta.

Oleh: SUNARTI YUSOFF
Gambar: NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
Video: ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

LIKE OUR FACEBOOK PAGE



OTHER NEWS




2024/2025 理事会
北婆羅洲華僑總會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會

OTHER NEWS




2024/2025 理事会
北婆羅洲華僑總會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會




北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會



北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會
北婆羅洲華僑總會 2024/2025 理事會